

**Muhyiddin Mahu Rakyat Pertahan Nilai Kehidupan Positif  
Bernama  
30 April, 2013**

KLUANG, 30 April (Bernama) -- Tan Sri Muhyiddin Yassin meminta rakyat mempertahankan nilai-nilai kehidupan positif yang selama ini diamalkan mereka dan menolak budaya negatif yang cuba diterapkan pembangkang.

Timbalan Perdana Menteri yang juga Timbalan Pengerusi Barisan Nasional (BN) berkata pembangkang kini dilihat cuba membawa budaya negatif seperti samseng, fitnah, bidaah, perpecahan dan konfrontasi.

"Rakyat perlu bangkit di dalam mempertahankan nilai-nilai kehidupan (positif) yang selama ini kita junjung. Jangan kita membiarkan mereka (pembangkang) memusnahkan nilai-nilai itu, kita perlu pertahankannya daripada pengaruh (budaya negatif) pembangkang," katanya pada majlis Himpunan Rakyat 1Malaysia di Dewan Che Luan Khor di sini Selasa.

Sehubungan itu, beliau meminta rakyat memikirkan kesan-kesan yang bakal terjadi terhadap masa depan negara jika mereka membuat keputusan yang salah dengan memilih pembangkang pada hari pengundian Ahad ini.

Muhyiddin berkata Malaysia berkemungkinan berhadapan dengan masa depan yang tidak terjamin sekiranya pembangkang dipilih, sekali gus memusnahkan apa yang telah dibina oleh kerajaan Barisan Nasional (BN) untuk negara selama ini.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=946339>